

Lulusan UPM raih RM5,000 sebulan jual santan

PASIR PUTEH 19 Jan. – Seorang siswazah Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak menyangka beliau mampu meraih pendapatan sehingga RM5,000 sebulan mengusahakan santan dan kelapa parut di sebuah gerai di Pasar Besar Pasir Puteh lebih lima tahun lepas.

Norhayati Ghani, 40, yang berkelulusan Ijazah Komunikasi Korporat, berkata perniagaannya bermula selepas beliau gagal mendapatkan pekerjaan dalam perkhidmatan awam.

“Semasa nak mulakan perniagaan

dulu memanglah sukar kerana tiada pengalaman tetapi setelah memikirkan keadaan dan suasana pada masa itu amat sukar untuk mendapatkan pekerjaan, saya kuatkan semangat untuk memberi komitmen dalam bidang ini,” katanya ketika ditemui di gerainya.

Norhayati, ibu kepada lapan orang anak, turut dibantu oleh anak-anak ketika mereka mempunyai masa yang terluang terutama selepas pulang dari sekolah dan ini secara tidak langsung mendidik dan mendedahkan kepada mereka tentang dunia

perniagaan.

Berbekalkan modal pusingan pertama sebanyak RM5,000 hasil bantuan daripada suami dan keluarga, beliau memulakan perniagaan itu dengan membeli sebuah mesin santan yang ditempah khas dari sebuah syarikat di Perak.

Norhayati berkata, perniagaannya adakalanya mencecah jualan harian 10,000 biji kelapa sebulan selepas mendapat suntikan modal RM10,000 daripada sebuah bank melalui sistem mikro kredit dan bantuan teknikal daripada Jabatan Pertanian.

Setiap biji kelapa yang siap diproses menjadi santan dijual dengan harga RM4.50 sekilogram manakala setiap kilogram bagi kelapa parut segar pula yang siap diproses dijual dengan harga RM2.50 sekilogram.

“Cuma yang menjadi masalah paling besar bagi saya sekarang ialah untuk mendapatkan bekalan buah kelapa yang semakin sukar diperoleh, mungkin kerana pemborong dari Thailand turut mendapatkan bekalan dari kampung-kampung bagi pasaran di Selatan Thailand,” katanya. – BERNAMA